

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 416 Kaedah Mengajar Geografi II

[Masa : 2 jam]

Jawab TIGA soalan. Jawab soalan 1 yang diwajibkan dan DUA soalan lain.

Soalan 1 diberi 40 markah manakala soalan-soalan lain diberi 30 markah tiap-tiap satu.

Gunakan buku jawapan yang berasingan bagi setiap soalan.

1. Bincangkan kepentingan kurikulum geografi Tingkatan Enam sebagai lanjutan daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan sebagai persediaan bagi melayakkan murid-murid memasuki peringkat Universiti. Berikan contoh-contoh isi kandungan, kemahiran dan nilai bagi menguatkan lagi hujah anda. (40 markah)

2. Pilih satu tajuk dari Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan Enam dan bincangkan bagaimana ianya dapat diajar dengan menggunakan kaedah simulasi atau perbincangan atau kerjasama, untuk memperkembangkan pemikiran kritis dan kreatif di kalangan murid-murid Tingkatan Enam. (30 markah)

3. Dalam pengalamannya, seorang guru akan menghadapi beberapa masalah pembelajaran murid-murid yang diajar. Bincangkan bagaimana guru geografi mengatasi masalah pembelajaran murid-murid dari segi fahaman konsep-konsep geografi serta pengamatan gambar, gambarfoto dan peta. Berikan contoh dalam konteks isi kandungan dan perkaedahan pengajaran-pembelajaran geografi Tingkatan Enam. (30 markah)

...2/-

- 2 -

4. Cadangkan satu kaedah penilaian berterusan yang membolehkan anda menilai sejauhmana murid-murid telah memperoleh perspektif dan kemahiran geografi. Gunakan contoh-contoh yang spesifik dari Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan Enam untuk memperkuuhkan lagi jawapan anda.

(30 markah)

5. Guru geografi bukan sahaja mengajar di sekolah. Bincangkan peranan guru geografi dalam perkembangan kurikulum geografi sekolah menengah (Tingkatan 6), pengelolaan persatuan geografi sekolah, dan pembinaan bilik geografi atau pusat sumber.

(30 markah)

- 0000000 -